

# Kurikulum pendidikan dikaji semula: Pak Lah

Kerajaan mahu hasil insan Ulul Al-Bab bermula peringkat prasekolah

**K**UALA LUMPUR: Kerajaan akan mengkaji semula kurikulum pendidikan kebangsaan bermula dari peringkat prasekolah supaya dapat menghasilkan masyarakat Ulul Al-Bab, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Presiden Umno berkata, masyarakat Ulul Al-Bab merujuk barisan insan yang berupaya menganalisis, memahami falsafah dan menguasai sains serta teknologi yang menjadi satu kewajipan untuk membolehkan ummah mencapai kemajuan hingga ke puncak kejayaan.

"Dengan itu, kita akan mempunyai kurikulum yang boleh menghasilkan insan celik minda, 'inquisitive', ingin bertanya, gemar menyelidik dan menguasai lebih daripada satu bahasa.

"Asas ini perlu dibina dari peringkat prasekolah kerana segala-galanya agak terlambat apabila mereka sampai ke alam universiti," katanya dalam ucapan dasar pada Perhimpunan Agung Umno 2006.

Perdana Menteri berkata, kurikulum kebangsaan hendaklah diolah selaras keperluan pasaran kerja masa dan sekolah kebangsaan mesti

berupaya memperagakan kurikulum baru menerusi guru yang dilatih semula.

Sambil menegaskan inisiatif kerajaan pimpinannya memberi keutamaan kepada usaha membangunkan modal insan sejak pilihan raya umum 2004, seterusnya menjadi teras kedua Misi Nasional serta menerima peruntukan terbesar RM45.1 bilion dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Abdullah berkata, semua inisiatif itu perlu dilihat sebagai penerusan tradisi melabur untuk masa depan.

Katanya, keperluan mempunyai sistem pendidikan moden dan dinamik bagi meningkatkan daya saing adalah dasar jangka panjang terbaik untuk meningkatkan daya saing sumber manusia.

"Langkah ke hadapan ini bukanlah lagi melalui penawaran kos buruh yang rendah tetapi Malaysia harus beridentitikan tenaga kerja berpengetahuan dan berkemahiran tinggi.

"Sungguhpun kita tidak mahu mana-mana kaum tertinggal dari segi pencapaian pendidikan, kita hendaklah menggalakkan meritokrasi yang

akan kita uruskan secara bijaksana. Kita mahu memastikan yang terbaik dan yang paling diperlukan di kalangan Bumiputera ialah mereka diberi bantuan," katanya.

Sehubungan itu, beliau menyangkal anggapan sesetengah pihak bahawa Bumiputera akan lenyap akibat amalan meritokrasi, sebaliknya ia perlu dijadikan sebagai lonjakan untuk berjaya.

"Bahkan kita perlu menjadikannya

FAKTA NOMIOR

Pembangunan modal insan

**RM45.1b**

Peruntukan pembangunan modal insan

**15,000**

Kelas tambahan peringkat rendah dan menengah untuk sekolah di luar bandar akan dibina segera

(meritokrasi) sebagai misi supaya pencapaian akademik bangsa terserah dengan cemerlah," katanya.

Abdullah juga memberi contoh bagaimana kesedaran kerajaan membangunkan modal insan diterjemahkan dengan penubuhan Universiti Darul Iman di Terengganu dan Universiti Malaysia Kelantan.

Katanya, sejak hampir 50 tahun negara merdeka, Kelantan dan Terengganu yang majoriti penduduknya Melayu serta sudah membekalkan ramai cerdik pandai Melayu, masih tidak mempunyai universiti.

Beliau juga berkata, kerajaan akan membina segera 9,000 kelas tambahan peringkat rendah dan 6,000 peringkat menengah, khusus untuk sekolah di luar bandar, manakala 281 asrama baru dibina sementara 170 lagi akan dinaikkan taraf.

"Menerusi inisiatif penyediaan prasarana, 900 sekolah luar bandar akan dibekalkan elektrik dan 300 dibekalkan air bersih menjelang 2010.

"Bagi membantu murid lemah, 5,000 kelas pemulihan akan disediakan dan 17,500 komputer dengan perisian baru akan dibekalkan ke sekolah luar bandar," katanya.